

29 MAY 2002

Sukan-Takraw

KETIADAAN PENAJA GELAPKAN MASA DEPAN SEPAK TAKRAW DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, Mei 29 (Bernama) -- Masalah ketiadaan penaja menyebabkan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) terpaksa mengurangkan jumlah Kejohanan Grand Prix (GP) Sepaktakraw Kebangsaan daripada tujuh tahun lepas kepada empat tahun ini.

Penolong Setiausaha Agung PSM Mohamed Zain Ibrahim berkata penaja utama GP Kebangsaan, Perilly's membelanjakan RM1.2 juta untuk tujuh kejohanan tahun lepas berbanding RM250,000 untuk tahun ini.

"Kontrak penajaan Perilly's sebenarnya telah tamat pada tahun lalu tetapi Perilly's telah bermurah hati memberikan sumbangan RM250,000 pada tahun ini bagi membolehkan PSM meneruskan kejohanan GP peringkat kebangsaan," katanya kepada pemberita pada majlis pengundian Kejohanan Sepaktakraw Kebangsaan Piala Emas Khir Johari ke-39 di sini hari ini.

Mohamed Zain berkata PSM sedang berusaha mencari penaja baru yang tiada kaitan dengan syarikat rokok bagi meneruskan tradisi GP kebangsaan setiap tahun.

"Ini adalah selaras dengan arahan kerajaan yang tidak membenarkan syarikat rokok menaja kegiatan sukan di negara ini berkuatkuasa mulai 2004," katanya.

Beliau berkata GP kebangsaan yang pertama akan diadakan di Kelantan pada 3-7 Julai, GP kedua pada 31 Julai-4 Ogos di Kedah sementara tarikh berlangsungnya GP ketiga dan terakhir belum ditentukan.

Mengenai persiapan pasukan kebangsaan ke Sukan Asia di Korea Selatan, Mohamed Zain berkata PSM sedang berunding dengan beberapa kelab di Thailand bagi berlatih di sana.

"Pada masa ini, pasukan kebangsaan sedang berlatih di Bukit Jalil. Mungkin PSM akan menghantar mereka ke Thailand pada Ogos ini untuk berlatih dengan kelab terkemuka di sana," katanya.

Sementara itu, kejohanan merebut Piala Emas Khir Johari ke-39 akan berlangsung di Stadium Tasik Titiwangsa dari 5-9 Jun ini.

Penyelaras Jawatankuasa Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad berkata sebanyak 14 pasukan yang dibahagikan kepada empat kumpulan akan mengambil bahagian pada pertandingan kali ini.

"Pada kejohanan kali ini, Terengganu dan Negeri Sembilan tidak mengambil bahagian manakala Sarawak yang tidak menyertai pertandingan tahun lepas, akan kembali pada tahun ini," katanya.

Mahathir berkata kejohanan kali ini akan menggunakan format baru dengan setiap pasukan yang kalah sebanyak dua kali akan terkeluar daripada pertandingan.

Katanya johan Piala Emas Khir Johari akan menerima RM7,000, naib johan RM5,000 dan dua pemenang tempat ketiga akan menerima RM2,500 setiap pasukan.

-- BERNAMA

ZAS MAM ZB